

SIARAN AKHBAR

MAJLIS PELEPASAN PESERTA-PESERTA PROGRAM BELIA BRUNAS 2025 KE JEPUN BAGI MENGHADIRI PROGRAM JENESYS 2025

Isnin, 17 November 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 NOVEMBER - Seramai lapan (8) orang belia yang merupakan peserta-peserta Program Belia BRUNAS 2025 telah berlepas ke Tokyo, Jepun pada hari Isnin, 17 November 2025 bagi menyertai Program *Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths* (JENESYS): *Brunei-Japan Environmental Protection Exchange*.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada para belia ialah Yang Mulia Hajah Martinah Binti Haji Tamit, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Majlis ringkas pelepasan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Yang Mulia Dr. Haji Muhd Majdi bin Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bagi memohon keberkatan dan keselamatan sepanjang program berlangsung.

Program JENESYS merupakan inisiatif pertukaran belia yang disokong oleh Kerajaan Jepun melalui Japan International Cooperation Center (JICE). Program ini bertujuan untuk memupuk persefahaman, mengukuhkan hubungan dua hala, serta meningkatkan kesedaran mengenai kelestarian alam sekitar dan pengurusan sisa di antara Jepun dan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam diwakili oleh belia-belia yang telah berjaya memasuki Fasa 2: Program YouGAIN (*Youth Green Actions for Innovation*) di bawah Program Belia BRUNAS 2025. Penyertaan ini mencerminkan komitmen negara dalam melahirkan generasi belia yang boleh menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar, selaras dengan Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035.

Peserta-peserta dijadualkan berada di Jepun dari 18 November hingga 25 November 2025, dengan pengisian program meliputi lawatan pembelajaran, pertukaran pandangan, serta sesi perkongsian berfokuskan perlindungan alam sekitar dan budaya di Tokyo dan beberapa lokasi terpilih.

Program Belia BRUNAS (“Belia Brunei Nadi Alam Sekitar”) merupakan satu platform yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan yang memberi peluang kepada belia-belia di Negara Brunei Darussalam untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti alam sekitar yang memberi impak yang lebih bermakna dan berpanjangan, dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar negara. Program ini akan diungkayahkan sekali dalam dua (2) tahun.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan

Emel: jastre.epm@env.gov.bn

PRESS RELEASE

DEPARTURE CEREMONY FOR PARTICIPANTS OF BELIA BRUNAS 2025 PROGRAMME TO JAPAN FOR JENESYS 2025 PROGRAMME

Monday, 17 November 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 NOVEMBER – A total of eight (8) youths who are under the Belia BRUNAS 2025 Programme participants departed for Tokyo, Japan on Monday, 17 November 2025 to take part in the Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youth (JENESYS): Brunei–Japan Environmental Protection Exchange.

Present at the Brunei International Airport to bid farewell to the youth participants was Yang Mulia Hajah Martinah Binti Haji Tamit, Director of Environment, Parks and Recreation.

The brief send-off ceremony commenced with the recitation of Surah Al-Fatihah and Doa led by Yang Mulia Dr. Haji Muhd Majdi bin Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz to seek blessings and safety throughout the programme.

The JENESYS Programme is a youth exchange initiative supported by the Government of Japan through the Japan International Cooperation Center (JICE). This programme aims to foster mutual understanding, strengthen bilateral relations, and raise awareness on environmental sustainability and waste management between Japan and Brunei Darussalam.

This year, Brunei Darussalam is represented by youths who successfully advanced to Phase 2: YouGAIN (Youth Green Actions for Innovation) Programme under the Belia BRUNAS Programme. The participation reflects the nation's commitment to nurturing a generation of youth capable of contributing to the environmental sustainability in line with Goal 2 of Brunei Vision 2035.

The participants are scheduled to be in Japan from 18 November to 25 November 2025, with the programme comprising educational visits, exchange of views, and sharing sessions focused on environmental protection in Tokyo and several selected locations.

-2-

The Belia BRUNAS (“Belia Brunei Nadi Alam Sekitar”) Programme serves as a platform created by the Department of Environment, Parks and Recreation to provide youths in Brunei Darussalam with opportunities to actively participate in impactful and sustainable environmental activities, and to contribute to the nation’s environmental sustainability.

-END-

Prepared by:

Department of Environment, Parks and Recreation
Ministry of Development

Email: jastre.epm@env.gov.bn